



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami: JPNPk.SPS.SR 800-1/2/4 Jld 2(1)

Tarikh : 10 Julai 2019

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak
[u.p: Penyelia Sekolah Rendah (Pengurusan Murid)]

Tuan,

**HEBAHAN PERMOHONAN KEMASUKAN KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR KE TAHUN 1
SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Surat Siaran berhubung Kelonggaran Syarat Kemasukan Kanak-Kanak Di Bawah Umur Ke Tahun 1 [Ruj.KP(BS/PSR)8502/03/005/Jld.22(10) bertarikh 5 Mac 2003 adalah masih berkuatkuasa.

3. Sehubungan dengan itu, Permohonan Kemasukan Kanak-Kanak Di Bawah Umur Ke Tahun Satu di sekolah rendah KPM telah dibuka mulai 08 Julai 2019 sehingga 09 Ogos 2019. Mohon kerjasama tuan memaklumkan kepada semua sekolah rendah di daerah tuan untuk menghebahkan perkara berkenaan kepada ibu bapa / penjaga **kanak-kanak warganegara, yang lahir pada 02 Januari 2014 hingga 15 Januari 2014**. Makluman berkaitan dengan perkara ini hendaklah dipamerkan di tempat-tempat yang mudah dilihat dalam kawasan sekolah.

4. Permohonan ini adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan (**Lampiran1**). Borang permohonan (PMA 01) boleh diperolehi di semua Pejabat Pendidikan Daerah dan Unit Sekolah Rendah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak. **Tarikh tutup penghantaran borang permohonan ke Jabatan Pendidikan Negeri Perak adalah pada 09 Ogos 2019 (Jumaat)**. Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan di atas, sila hubungi Unit Sekolah Rendah di talian 05-501 5110.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan kepada perkara berkaitan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZMI BIN DAHALI)

Ketua Sektor
Sektor Pengurusan Sekolah
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak

- s.k:
1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
 2. Ketua Sektor Pendidikan Swasta Dan Pendidikan Khas

LAMPIRAN 1

KRITERIA PERMOHONAN KEMASUKAN KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR KE TAHUN SATU DI SEKOLAH RENDAH KPM 2020

1. Kanak-kanak warganegara Malaysia, dilahirkan pada tarikh antara 02 Januari 2014 hingga 15 Januari 2014 sahaja.
2. Kanak-kanak telah mendaftar untuk penempatan Tahun 1 bagi sesi persekolahan di sekolah yang dimohon.
3. Ibu dan bapa atau penjaga yang sah adalah warganegara Malaysia.
4. Hanya satu permohonan sahaja boleh dibuat bagi setiap calon.
5. Kanak-kanak sedang atau telah mengikuti kelas tadika.
6. Kanak-kanak perlu menduduki ujian saringan berpusat (bertulis) dan sesi temubual yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
7. Keputusan kelulusan permohonan adalah muktamad dan tiada rayuan.